

# Proses pembangunan negara pengaruhi pemikiran mahasiswa

BH 5/8/08 M/S 37

Oleh Kassim Thukiman

kan peranan untuk menjadi jurubicara rak-

PADA pertengahan 1960-an dan 1970-an, golongan mahasiswa begitu cenderung kepada perkembangan politik dalam negara. Mereka mengambil sikap antikerajaan. Gerakan pelajar di Universiti Malaya menentang dasar pentadbiran Tunku Abd Rahman Putra. Mahasiswa mula dilabelkan sebagai jurubicara rakyat. Mahasiswa membela nasib rakyat dengan menyertai pilihan raya 1969; mengadakan kempen dan mengeluarkan manifesto sendiri di samping mengadakan beberapa siri rapat umum.

Pilihan raya menggambarkan kedudukan parti pemerintah iaitu Perikatan telah tergugat. Para pemimpin mula menggubal dasar untuk mengukuhkan kerajaan. Akibat daripada tindakan agresif pelajar, pihak kerajaan terpaksa menggubal dasar berkaitan pengajian tinggi. Mulai 1971, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) digubal dan ini menyebabkan gerakan mahasiswa agak perlahan dan terkawal.

Pelbagai persatuan pelajar dan kakitangan akademik membantah keras kewujudan akta itu. Mereka berpendapat AUKU 1971 semata-mata bertujuan mengekang kebangkitan pelajar dalam menangani isu nasional. Namun demikian, AUKU tidak mengurangkan semangat perjuangan di kalangan pelajar. Pada 3 Disember 1974, demonstrasi paling besar diadakan di ibu negara memabitkan kesatuan mahasiswa seluruh negara yang membangkitkan pelbagai isu termasuklah kelaparan, kemiskinan dan penyelewengan.

Golongan akademik juga tidak terlepas untuk mengkritik AUKU. Hal ini disebabkan AUKU tidak terhad kepada golongan pelajar saja. Golongan intelektual turut terkesan kerana mereka menjadi sumber inspirasi kepada pergerakan mahasiswa. Dalam menangani banyak isu, golongan intelektual akan lebih terkehadapan untuk membantah dan menyuarakan rasa tidak senang terhadap dasar kerajaan. Idea dan pemikiran golongan intelektual lebih menyerlah dan diterima rakyat berbanding ahli politik.

Apabila mahasiswa dikenakan tekanan oleh pemerintah menerusi ISA, golongan akademik juga tidak terkecuali, seperti yang berlaku ke atas Prof Syed Husin Ali. Lebih menarik lagi, mereka bukan sekadar membantah, tetapi turut melaksanakan cadangan pembaharuan seperti cadangan penubuhan ITM, UTM dan UKM. Ini semata-mata untuk mengangkat martabat keilmuan khususnya di kalangan orang Melayu.

Pentadbiran Universiti Malaya yang diterajui Prof Diraja Ungku Aziz juga tidak terlepas daripada kritikan mahasiswa dan tenaga akademik. Mereka mahu Universiti Malaya mempunyai sistem pentadbiran yang cekap, telus dan berkesan. Mereka mahukan universiti dimasyarakatkan. Justeru, era 1970-an menggambarkan kehendak dan kehormatan rakyat diketengahkan mahasiswa yang memperjuangkan nasib dan hak rakyat dengan bersungguh-sungguh.

Maka tidak hairanlah zaman itu menobatkan mahasiswa adalah jurubicara masyarakat. Program turun ke padang menerusi program khidmat masyarakat telah mencelikkan lagi mahasiswa untuk menginsafi kehidupan masyarakat luar bandar yang kebanyakannya adalah miskin, kurang membangun, didiskriminasikan dan ketinggalan.

Jika ditinjau dari segi sejarah, perjuangan gerakan pelajar mempunyai sebab yang tersendiri. Pada zaman itu, tuntutan pengisian kemerdekaan begitu kuat di kalangan rakyat yang telah memberikan mandat menerusi pilihan raya. Justeru, golongan pelajar memainkan

peranan untuk menjadi jurubicara rakyat. Mereka menzahirkan perasaan tidak puas hati kepada kerajaan khususnya yang berkaitan dengan pembangunan luar. Pergerakan pelajar mengambil isu Baling yang mereka dakwa sebagai sebuah kawasan yang terus ketinggalan dalam arus pembangunan nasional. Peruntukan pembangunan yang rendah, agensi kerajaan yang tidak berfungsi, masalah saliran air, isu penyelewengan dan sebagainya menyebabkan hasil pengeluaran ekonomi di kalangan petani tidak dapat diperingkatkan.

AUKU 1971 mengalami pindaan pada 1975. Hal ini berkaitan dengan pelantikan Dr Mahathir Mohamad (kini Tun) sebagai Menteri Pelajaran. Kecenderungan mendalam dalam bidang pendidikan membolehkan beliau dilantik sebagai Pengerusi Majlis Pendidikan Tinggi pertama pada 1968, Ahli Majlis Penasihat Pendidikan Tinggi pada 1972, Ahli Majlis Universiti Malaya serta Pengerusi Majlis Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1974.

Berikutan pilihan raya 1974, Dr Mahathir dilantik sebagai Menteri Pelajaran dan langkah pertama yang beliau laksanakan ialah mengubah dasar pendidikan negara supaya ia menggambarkan usaha ke arah menghapuskan kemiskinan dan mewujudkan keadilan untuk semua dan memastikan semua individu diberi peluang membaiki taraf hidup mereka.

Sepanjang menjadi Menteri Pelajaran, Dr Mahathir memberi peluang yang lebih kepada anak Melayu melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi, mengubah kuota kemasukan, dan beberapa kriteria kemasukan ke pusat itu, mengadakan biasiswa dan menubuhkan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Beliau juga bertanggungjawab meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1975 yang ditentang oleh ahli akademik dan mereka yang terbabat dengan pendidikan. Sebagai seorang yang berdisiplin dan tegas beliau berjaya melenyapkan kritikan terhadap dasar pendidikan.

Sebenarnya, penubuhan persatuan mahasiswa di IPTA memberi suatu signifikan besar dalam kerangka pembangunan negara. Menerusi persatuan, mahasiswa boleh membentuk suara mahasiswa yang berperanan sebagai 'check and balance' dalam masyarakat ke arah pembentukan masyarakat yang sejahtera, stabil dan harmoni.

Semua pihak termasuk persatuan mahasiswa, tokoh akademik, parti politik dan NGO wajar diberi peluang untuk membicarakan berkenaan AUKU dan pindaannya. Isu yang diperjuangkan selama ini ialah supaya beberapa peruntukan tertentu di dalam AUKU yang tidak demokratik dan mengongkong warga universiti, bertentangan dengan prinsip hak asasi manusia bahkan bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, dapat dipinda ataupun dimansuhkan terus.

Dalam konteks inilah, kita melihat faktor sejarah dan pembangunan negara sangat mempengaruhi perkembangan pemikiran di kalangan golongan mahasiswa dan intelektual. Kesedaran dan keinsafan yang tinggi di kalangan mahasiswa menyebabkan gerak laku dan tindakan mereka kelihatan begitu agresif. Selain menumpukan kepada kecemerlangan akademik, pelajar begitu prihatin terhadap pembentukan dasar dan pelaksanaannya oleh agensi kerajaan. Mereka menjadi yang penuh dengan idealisme, bagi memastikan pembangunan negara mestilah bersifat menyeluruh dan bersepadu.